

HALANGAN FASILITI PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI LEMBAH KLANG

Hazlin Falina Rosli
Safura Ahmad Sabri

ABSTRAK

Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau rights-based dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Dalam hal ini, perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam pembelajaran pendidikan khas ialah fasiliti. Kekurangan penyediaan fasiliti bagi golongan OKU atau berpendidikan khas di peringkat institut pendidikan tinggi telah menyebabkan golongan ini tidak dapat menjalani kehidupan yang selesa dan sempurna seperti warga atau pelajar-pelajar yang lain. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji halangan-halangan fasiliti yang dihadapi oleh pelajar OKU di IPT. Aksesibiliti merupakan aspek yang penting dalam industri pembinaan. Hal ini kerana penekanan aksesibiliti dalam industri ini akan dapat mengurangkan segala permasalahan mudah capai dalam dan luar sesebuah bangunan kerajaan, swasta dan sebagainya. Walaupun wujud beberapa akta yang berkaitan namun ia masih belum mencukupi untuk menangani pelbagai masalah kekurangan fasiliti yang berlaku. Kajian ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada golongan OKU untuk hidup dalam keadaan yang selesa dan menikmati semua fasiliti yang disediakan seperti orang lain. Kajian ini dijalankan di sebuah institusi pengajian tinggi di Lembah Klang. Kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini kualitatif iaitu temu bual mendalam. Hasil kajian menunjukkan bahawa fasiliti OKU yang terdapat di setiap bangunan masih berada dalam tahap kekurangan dan fasiliti tersebut perlu dibaiki dan dilakukan penambahbaikan secepat mungkin untuk meningkatkan kualiti fasiliti dan keselesaan OKU dalam mendapatkan pendidikan yang baik. Justeru, kajian ini adalah penting dalam memberi fokus kepada penambahbaikan sistem pendidikan di IPT bagi merealisasikan aspirasi negara.

Kata Kunci: Penyediaan Fasiliti, Orang Kurang Upaya (OKU), Institusi Pengajian Tinggi

PENGENALAN

Dalam era globalisasi masa kini, pendidikan merupakan tunjang utama dalam melahirkan modal insan seiring dengan pembangunan negara. Ini adalah bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat untuk melahirkan individu maju dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial. Justeru itu, setiap pelajar di Malaysia, sama ada pelajar di peringkat sekolah mahupun pusat pengajian tinggi wajar mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan tanpa mengira latar belakang diri mahupun keupayaan fizikal mereka. Namun begitu, realiti yang dihadapi oleh pelajar daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di pusat-pusat pengajian adalah berbeza.

Orang Kurang Upaya (OKU) ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya 2008). Sementara itu, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) orang kurang upaya dianggap sebagai individu yang memenuhi semua kriteria dalam takrif seperti mempunyai kecacatan fizikal atau mental secara jangka panjang atau berulang-ulang dan yang sebahagian besarnya menghadkan prospek mereka masuk kedalam kemajuan dalam pekerjaan. Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, OKU yang berdaftar sehingga 31 Januari 2015 mengikut negeri adalah seramai 508,487 orang dan masih ada sebilangan OKU yang tidak berdaftar. Sejumlah 182,664 orang merupakan OKU masalah pembelajaran, diikuti 167,002 OKU fizikal, OKU pendengaran 60,061 orang, OKU penglihatan pula 47,999 orang dan OKU mental 21,474 orang serta OKU pelbagai kategori sebanyak 25,477 orang.

Walaupun golongan OKU dilihat sebagai kelompok minoriti di Malaysia, namun golongan ini juga sewajarnya mendapat peluang yang sama seperti individu normal lain dari segala aspek. Ini kerana golongan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat, sehubungan itu mereka mempunyai hak kesaksamaan dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Hal ini demikian kerana semua individu tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan mereka, jantina, sosial, ekonomi, kebudayaan, latar belakang etnik atau agama mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik Hazlin Falina et.al (2015). Salah satu medium ke arah mendapatkan kualiti kehidupan yang baik adalah melalui pendidikan. Justeru, perkembangan OKU harus diambil berat dan diberi perhatian yang sewajarnya terutamanya di peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Ini adalah penting bagi membantu golongan pelajar OKU ini mendapat pekerjaan apabila sudah tamat belajar.

Pada masa kini, terdapat pelbagai kejayaan yang dikecapi oleh golongan OKU dalam bidang pendidikan sama seperti pelajar normal lain. Kejayaan itu membuka laluan kepada golongan ini untuk mengikuti pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Namun demikian, apabila melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi, fasiliti untuk golongan OKU ini sangat penting untuk dititik beratkan bagi membolehkan mereka berada dalam persekitaran yang mesra OKU seterusnya membantu mereka untuk belajar dalam keadaan yang selesa. Persekitaran kampus harus sesuai bagi memudahkan warga OKU bergerak secara

bebas tanpa bantuan. Dengan cara ini golongan OKU boleh berdikari dan menikmati kemudahan seperti warga kampus yang lain. Persekitaran yang hendak disediakan seharusnya menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Standards & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Samsuri, 2012). Ini kerana keselamatan dan kemudahan merupakan satu keutamaan dalam pengurusan kebajikan pelajar di pusat pengajian tinggi Malaysia. Menyedari akan hal ini, maka telah wujudnya permintaan untuk penyediaan fasiliti OKU di dalam dan di luar bangunan akibat kerana pertambahan golongan OKU terutamanya di institusi kerajaan supaya golongan ini dapat menjalani kehidupan seperti orang yang normal (Sanmargaraja & Ta Wee, 2011).

PERMASALAHAN KAJIAN

Realitinya, tahap kesedaran dalam kalangan pihak pengurusan terhadap penyediaan akses dan kemudahan mesra OKU dilihat masih berada di tahap yang sangat rendah. Buktinya, terdapat banyak lagi kelemahan yang masih wujud di dalam hampir setiap institusi pengajian tinggi samada awam mahupun swasta di Malaysia berkenaan dengan penyediaan akses dan kemudahan bagi pelajar OKU. Keadaan ini menyebabkan golongan pelajar OKU terpaksa menghadapi cabaran dan halangan di sepanjang pengajian di institut pengajian tinggi. Terdapat pelbagai halangan dan cabaran yang perlu ditempuh oleh pelajar OKU di hampir setiap institut pengajian tinggi dalam soal pembelajaran dan aktiviti luar pembelajaran di sepanjang pengajian di IPT. Antara halangan yang terpaksa dihadapi oleh pelajar OKU adalah halangan daripada segi persekitaran fizikal di kawasan IPT, proses kemasukan di institut pengajian tinggi, akses pembelajaran, dan tahap kesedaran yang rendah di kalangan pengurusan dalam menyediakan kemudahan mesra OKU di IPT (Tinki & Hall, 1999).

Halangan-halangan ini secara tidak langsung boleh menjejaskan pencapaian akademik pelajar OKU. Ini disokong oleh Reindal (1995) yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai kurang upaya fizikal dan sensori untuk menghadapi cabaran dan halangan yang hebat di pusat-pusat pengajian tinggi menyebabkan terjejasnya keupayaan mereka untuk belajar. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kajian yang telah dilakukan oleh Riddell, Wilson & Tinklin (2002) dimana ia menyatakan pengalaman pelajar-pelajar OKU di institusi pengajian tinggi menunjukkan bahawa mereka sering menghadapi halangan sewaktu pengajian dan mendapat keputusan yang rendah di akhir pengajian walaupun mempunyai kelayakan yang setaraf dengan pelajar-pelajar lain sewaktu mendaftarkan diri ke Universiti.

Tambahan itu, tahap kesedaran tentang kesamarataan terhadap golongan OKU di institusi pengajian tinggi adalah sangat rendah. Sejar dengan dapatan yang diperolehi oleh Konur (2000) mengenai hak-hak sivil bagi pelajar-pelajar OKU di United Kingdom mendapati bahawa pelajar-pelajar ini menghadapi diskriminasi di setiap peringkat pengajian mereka termasuklah di peringkat pengambilan pelajar, kemasukan pelajar, saluran perkhidmatan, penempatan dan graduasi. Menyedari betapa pentingnya keperluan fasiliti mesra OKU di sesebuah IPT, kajian ini telah dilakukan untuk mengkaji halangan-halangan fasiliti yang dihadapi oleh pelajar OKU di sebuah IPT di Lembah Klang. Kajian merupakan satu kajian kes bagi meneroka dan menganalisis halangan-halangan fasiliti yang dihadapi oleh pelajar OKU dalam usaha golongan ini menempatkan diri dalam institusi pengajian tinggi sekaligus menyumbang kepada negara.

PENEKANAN TERHADAP PENYEDIAAN FASILITI DI IPT

Pengambilan pelajar OKU di IPT merupakan cabaran kepada institusi dan pelajar. Kedua-dua pihak memerlukan sinergi yang kuat dalam memastikan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan lancar. Dari sudut pandangan pelajar, akses fizikal kepada bangunan merupakan cabaran utama dalam proses pembelajaran. Namun, terdapat juga isu-isu akses yang lebih luas membabitkan kurikulum, pengajaran, pembelajaran dan penilaian kepada pelajar OKU. Faktor-faktor ini memerlukan inisiatif-inisiatif yang perlu dititik beratkan oleh institusi bertujuan meluaskan akses pengajian tinggi, walaupun pelajar OKU merupakan golongan minoriti di IPT. Bertepatan itu, setiap IPT perlulah mempunyai sistem dimana ia dapat menyediakan akses dan kemudahan yang mesra OKU dan selamat digunakan bukan sahaja untuk golongan pelajar tipikal tetapi juga golongan pelajar OKU. Seperti kajian yang telah dilakukan oleh Zaharah et.al (2003) menemui bahawa OKU mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu yang kadang kalanya setanding dengan orang normal, namun begitu terdapat beberapa kekangan yang mana akhirnya menyebabkan OKU ini ketinggalan dan diketepikan. Bagi pelajar OKU, hal ini akan menyumbang kepada rendahnya semangat untuk belajar dan akhirnya mendapat keputusan yang rendah dalam pengajian.

Baru-baru ini, Hasnah (2010) dalam kajiannya menyatakan, sikap negatif terhadap OKU dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada mereka untuk mengambil bahagian secara penuh dalam masyarakat. Manakala satu kajian yang dijalankan oleh Hasnah et.al (2009) mengenai halangan dan sokongan yang dialami oleh pelajar-pelajar OKU di sebuah IPTA tempatan melaporkan walaupun terdapat rakan rapat yang banyak membantu mereka dari segi pengangkutan dan pembelajaran, namun dari kalangan rakan-rakan sekuliah dari fakulti yang berlainan kerjasama kurang diberikan terutama semasa proses pembelajaran. Daripada dapatan kajian ini, jelas menunjukkan pelajar OKU perlu bergantung harap dengan bantuan rakan-rakan dan kurang berdikari sendiri. Tambahan pula, kurangnya sikap keprihatinan dan tanggungjawab dalam kalangan masyarakat terhadap golongan OKU. Kurangnya pendedahan maklumat tentang golongan OKU juga turut menyebabkan masyarakat tidak mengambil peduli tentang nasib yang ditempuhi oleh golongan OKU dan menganggap ianya bukanlah satu tanggungjawab yang harus dipikul bersama.

Sebuah kajian daripada Tinkin dan Hall (1999) menyatakan terdapat empat sumber halangan yang terpaksa dihadapi oleh pelajar OKU di IPT: 1) persekitaran fizikal, 2) proses kemasukan ke pusat-pusat pengajian tinggi 3) akses maklumat semasa pengajian dan 4) tahap kesedaran yang rendah dikalangan kakitangan akademik dan sokongan.

Sejar dengan dapatan Reed, Kennett dan Emond (2015) menyatakan akibat daripada pelbagai halangan yang dihadapi oleh pelajar OKU, mereka lebih berisiko mendapat prestasi akademik yang lemah berbanding pelajar-pelajar normal. Halangan ini

termasuk persekitaran fizikal seperti kesukaran mengakses kampus, kelas, kemudahan, perpustakaan dan perkhidmatan sokongan (Holloway, 2001; Redpath, 2013).

Persekitaran Fizikal

Persekitaran fizikal merupakan faktor utama yang menjadi halangan buat pelajar OKU. Ini adalah kerana tanpa kemudahan yang lengkap dan mesra OKU akan membataskan pergerakan dan aktiviti pelajar OKU. Kemudahan seperti laluan *ramp* khusus untuk cacat penglihatan, lif, kerusi roda, tandas OKU dan tempat parking kereta diperlukan bagi membantu pergerakan pelajar. Tanpa infrastruktur mesra OKU seperti cecondong untuk pengguna berkerusi roda dan '*tactical guiding block*' iaitu penunjuk jalan bagi orang buta akan menyukarkan pergerakan golongan OKU (Sam, 2010).

Kajian terkini oleh Abdul Munir et.al, (2015) mengkaji perspektif penyediaan kemudahan OKU di masjid-masjid mendapati kemudahan OKU di masjid-masjid masih berada di tahap kurang memuaskan. Dapatan kajian yang digunakan adalah dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan catatan. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penyediaan kemudahan fasiliti OKU dengan tahap kepuashatian OKU bagi melakukan aktiviti ibadat di masjid. Oleh itu, persekitaran fizikal merupakan elemen yang amat penting dalam memudahkan akses bagi golongan OKU khususnya persekitaran di bangunan institusi pengajian. Ini kerana, kemudahan akses dan fasiliti mesra OKU yang tidak lengkap akan menyebabkan rendahnya motivasi dan semangat golongan pelajar OKU ini untuk belajar, sekaligus akan menjejaskan prestasi pencapaian akademik mereka.

Menurut kajian oleh Egilson dan Troustadittir (2009) yang dijalankan di Iceland mendapati penyertaan pelajar kurang upaya di sekolah telah lama wujud, namun rekabentuk bagi kebanyakan bangunan sekolah masih lagi tertumpu kepada pelajar yang normal dimana, halangan fizikal yang sering wujud adalah seperti jarak, penggunaan pintu yang tidak sesuai, kemas lantai, laluan bertekstur dan ramp masih tidak lengkap. Masalah tersebut telah menyebabkan pergerakan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti sekolah terbatas berikutan pergerakan yang tidak dijangka, halangan kelajuan dan jarak dan keterbatasan penglihatan. Oleh itu, persekitaran yang selesa dan infrastruktur mesra OKU akan membuatkan pelajar OKU lebih bermotivasi dan membantu pencapaian akademik pelajar.

Persekitaran Pengaksesan Maklumat Semasa Pengajian

Memetik pandangan dari Lokman dan Qistina (2009), golongan OKU harus diberikan peluang yang sama dengan individu normal lain supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembelajaran nasional kerana dalam kalangan mereka ada mempunyai kecerdasan kognitif yang standing dengan individu yang normal malah mereka mampu melebihi pencapaian pelajar normal. Tidak dinafikan, setiap pelajar OKU mempunyai perasaan yang sama dengan golongan tipikal untuk mempunyai kehidupan yang baik dan berkhidmat kepada masyarakat, walaupun ada ketidaksempurnaan pada diri mereka jika dibandingkan dengan pelajar lain. Oleh itu, pengambilan pelajar OKU di sekolah dan pusat pengajian tinggi adalah sangat penting dan memberikan sinar harapan kepada masa depan golongan ini. Ini adalah kerana dengan memberikan mereka peluang meruskan pengajian di IPT dapat membantu mereka untuk mencapai cita-cita. Pendidikan adalah hak asasi semua manusia dan dari segi falsafahnya, semua insan didunia ini mempunyai hak untuk belajar dan mengetahui sesuatu yang baru (Nurul Hariza, 2012).

Ramai pelajar OKU yang menghadapi kesukaran untuk belajar semasa proses pembelajaran. Ketiadaan kemudahan pembelajaran mesra OKU seperti braille menyebabkan pelajar OKU sukar untuk membaca dan memahami sesuatu teks atau bacaan mata pelajaran yang dipelajari, perakam audio, aksesibiliti talkback di laptop dan telefon pintar menyebabkan kesukaran golongan OKU untuk mendapatkan info maklumat dengan lebih jelas. Kajian gabungan metodologi oleh Tinklin, Riddel dan Wilson (2004) di Scotland dan England menemui kebanyakan IPT telah menyediakan fasiliti, polisi dan kemudahan untuk golongan OKU, namun untuk memperbaiki akses pembelajaran memerlukan perubahan budaya dalam kerangka pendidikan membabitkan penambahbaikan sistem pembelajaran secara keseluruhan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes yang dilakukan di sebuah institusi pengajian tinggi di Lembah Klang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan proses pengutipan data dilakukan melalui teknik temu bual. Dalam kajian ini, kaedah temu bual secara bersemuka telah digunakan dalam proses pengumpulan data. Zainuddin (2010,p.20) mengatakan bahwa kajian kualitatif adalah kajian yang tidak berstruktur dan merupakan satu penerokaan secara sifat semula jadi berdasarkan sampel yang kecil. Soalan-soalan temu bual telah diolah berdasarkan kajian lepas dan persekitaran tempat kajian.

Kaedah temu bual merupakan kaedah yang mempunyai kesahihan yang tinggi kerana data diperolehi terus daripada responden kajian. Selain itu, keterbatasan fizikal responden juga menjadikan kaedah temubual adalah kaedah yang sesuai dalam proses pengumpulan data. Temubual telah dilakukan di kawasan kajian di mana responden selesa untuk berinteraksi dan menyampaikan maklumat. Terdapat seramai tiga puluh lima pelajar OKU yang mendaftar di institusi kajian. Oleh kerana kesuntukan masa dan peruntukan hanya dua responden telah ditemubual dimana seorang adalah cacat penglihatan dan seorang cacat fizikal.

HASIL DAPATAN

Profil Peserta Kajian

Seramai tiga orang telah dipilih sebagai peserta kajian. Mereka terdiri daripada dua orang pelajar OKU buta dan cacat fizikal. Semua peserta kajian diberikan kod, iaitu FOKU1 (cacat penglihatan) dan FOKU2 (cacat fizikal) untuk melindungi identiti mereka. Berdasarkan dapatan temu bual mendalam yang dijalankan terdapat beberapa faktor utama berlakunya halangan-halangan fasiliti yang dihadapi oleh pelajar OKU di IPT iaitu (1) infrastruktur dan (2) kemudahan akses pembelajaran.

Infrastruktur

Rata-rata dua pelajar yang menjadi responden kajian tidak berpuas hati dengan sistem pengurusan fasiliti OKU. Pada pendapat responden, bahagian pengurusan tidak mengambil sebarang inisiatif menyediakan prasarana mesra OKU di IPT seperti kemudahan lerengan (*ramp*), *rail*, lif dan keadaan tangga yang tinggi menyebabkan kesukaran terhadap pelajar OKU untuk melakukan pergerakan. Selain itu, pihak pengurusan juga kadang kala tidak memeriksa kembali fasiliti yang disediakan.

“... Okay halangan pertama adalah laluan. Laluan maksudnya tiada kelengkapan rail untuk orang yang tak nampak atau masalah penglihatan ...saya bergantung pada kawan- kawan ataupun bantuan orang sekeliling lah untuk bergerak. Andaikata kalau kawan-kawan takde saya minta bantuan orang sekeliling.” (FOKU1)

“... saya amat memerlukan penggunaan jalan untuk orang buta railing. Setiap fakulti kalau boleh adalah benda tu...” (FOKU1)

“...Kalau masalah bekalan air ni terputus.haa,, itu pun satu lagi masalah bagi saya. Saya ni dok terpaksa kena pergi ke parcel 2. Kadang-kadang waktu malam tu terasa nak mandi sebab panas. Itupun terpaksa minta bantuan kawan-kawan lain.So, terpaksa berkongsi ramai-ramai. Kadang-kadang terpaksa tunggu tandas sebab tandas banyak tapi yang berfungsi tu. Cuma ada dua tiga je...” (FOKU2)

“... Sebabnya banyaklah benda yang tak mengikut kesesuaian OKU itu contohnya, tiada lif di setiap fakulti, haa lepas tu, dia punya tangga terlampau tinggi agak sukar jugak. Keadaan lantai simen yang licin, itu boleh mengundang bahaya lah...” (FOKU1)

“... fasilitinya sangat tidak mesra OKU dan ianya lebih kepada orang-orang biasa tipikal...” (FOKU1)

“... kalau ikut pandangan saya lah kan,mm.. pembinaan bangunan IPT dari segi bentuk fasiliti tu semua masih tak mencapai lagi dengan standard piawaian. Yelah..saya yang nak pergi ke kelas dengan keadaan macam ni pun terpaksa panjat tangga. Nasib ada kawan yang kenal, bolehlah bantu papah saya panjat tangga ke kelas. Kalau saya ada urusan di tingkat 3 kemudian tak a da kawan-kawan yang saya kenal macam mana? Malu saya nak minta tolong.” (FOKU2)

“... Fasiliti ada..tapi tak mesra OKU. Contohnya kaunter pertanyaan tinggi..saya nak Tanya pun susah.. saya kan pakai wheelchair jadi agak susahlah saya nak berdiri semua dekat kaunter pertanyaan tu.” (FOKU2)

“...memang saya tak puas hati dengan penyediaan fasiliti OKU dekat sini. Mana tak nya, ada fasiliti pun tapi berisiko pun tak guna juga. Contohnya lif dekat parcel tu. Dahla buton lift tu rosak. Tak ada lampu pula tu. mm..kami ni nak tak nak terpaksa la pakai sedangkan tak nampak apa-apa dalam lift tu. gelap je..” (FOKU2)

Semua peserta kajian mengatakan bahawa faktor infrastruktur boleh menyumbang kepada berlakunya halangan-halangan OKU di IPT. Keadaan prasarana yang tidak mesra OKU sememangnya tidak sesuai dan konduksif bagi golongan OKU untuk menjalankan kehidupan seperti golongan tipikal yang lain.

Kemudahan Akses Pembelajaran

Faktor keperluan pembelajaran berkait rapat dengan OKU di IPT. Pelajar-pelajar normal mempunyai peluang memahami dengan cepat bahan bacaan yang dibaca berbanding pelajar OKU penglihatan membaca. Responden menyatakan halangan yang dihadapi di IPT ini terdapat bermacam bentuk. Bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi juga halangan dari segi kemudahan akses pembelajaran. Respon balas pelajar OKU buta mengenai masalah mereka dari segi ketiadaan braille, perakam audio dan aksesibiliti talkback di laptop. Manakala pelajar OKU cacat fizikal pula menyatakan kesukaran mereka daripada segi aspek keselesaan di dalam kelas mengakibatkan mereka kurang fokus untuk belajar.

“Ha...belajar pun ada, contohnya kekurangan buku lah, maksudnya bahan bacaan yang boleh kita dapatlah, jadi dekat situ semua bahan-bahan semua dalam bentuk *hardcopy*, jadi itu kena inisiatif saya sendiri untuk convert kepada word. Daripada picture, saya convert kepada word. ...Haa... saya gunakan voice, saya gunakan laptop, bila laptop ada problem saya akan mempunyai masalahla besar..” (FOKU1)

“mm.. saya perlukan tulisan braille, gambar rajah timbul. Maknanya lebih peka la.” (FOKU1)

“...dari segi pembelajaran. Saya perlukan bantuan sukarelawan untuk membantu saya dalam mencari nota ataupun membacakan buku...” (FOKU1)

“...saya rasa erm.. gambar rajah timbul dan buku tulisan braille. Kalau ada subjek pengiraan, perlu ada alat la untuk membantu kami yang ada masalah penglihatan ni untuk kira-kira...” (FOKU1)

“...Bila saya masuk kelas perkara pertama yang buat saya tidak selesa adalah kerusi belajar, saya rasa ini umum dirasakan oleh semua pelajar IPT dan bukan nye saya sorang je tapi semua pelajar IPT rasa. Ada kerusi yang patah. Contohnye tu dekat dalam DK tu. Nak duduk pun takut-takut. Bukannya saya nampak pun. Nasibla kalau kawan letak saya dekat kerusi yang patah. Jatuhlah saya. Lagi satu , lif rosak..kadang-kadang memang saya pergi ke level bawah sorang-sorang tapi saya tak tahu lift tu rosak ke tak...” (FOKU2)

“...Saya rasa ada tapi sedikit. Yang tak cukup macam saya cakap, haaa penyediaan buku braille, gambar rajah timbul, dan mesin braille. Kadang-kadang benda macam ni la yang buat saya ni susah untuk belajar. Kadang-kadang masalah timbul bila dah nak final exam nanti” (FOKU1)

Semua peserta kajian mengatakan bahawa faktor kemudahan akses pembelajaran boleh menyumbang kepada salah satu aspek berlakunya halangan-halangan OKU di IPT.

PERBINCANGAN KAJIAN

Melalui hasil dapatan yang diperolehi, pengkaji melihat penyediaan kelengkapan atau kemudahan kepada golongan kurang upaya dapat memberikan manfaat kepada semua. Ini adalah kerana selain daripada memberi keselesaan kepada golongan kurang upaya secara tidak langsung ia juga memperbaiki sistem keselamatan sesebuah bangunan pusat pengajian tinggi itu. Dari aspek sosial pula, dengan menyediakan kemudahan ini ia secara tidak langsung menggalakkan interaksi antara semua pihak tidak kira terdiri daripada golongan normal atau kurang upaya.

Bagaimanapun pengimplimentasian kemudahan bagi pengguna kurang upaya perlulah mengikut piawaian dan garis panduan yang telah disediakan oleh pihak yang berwajib. Garis panduan dan piawaian yang dihasilkan ini adalah bagi kegunaan semua pihak terutamanya pihak pengurusan IPT dalam merancang dan membantu menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh golongan kurang upaya yang secukupnya dalam sesuatu kawasan bangunan pusat pengajian.

Selain itu, kebanyakan pelajar OKU yang menghadapi kesukaran untuk belajar dengan sempurna. Ketiadaan kemudahan pembelajaran mesra OKU seperti braille menyebabkan pelajar OKU sukar untuk membaca dan memahami sesuatu teks atau bacaan mata pelajaran yang dipelajari, perakam audio, aksesibiliti talkback di laptop dan telefon pintar menyebabkan kesukaran golongan OKU untuk mendapatkan info maklumat dengan lebih jelas.

Secara keseluruhan, masih lagi terdapat kelompongan dari aspek fasiliti yang disediakan kerana masih tidak mesra OKU dan menyebabkan pelajar-pelajar OKU ini merasakan kurang bermotivasi. Ini kerana pihak IPT kurang peka terhadap keperluan fasiliti golongan ini di institusi mereka. Menurut Mohd Arif (2002), penyediaan kemudahan untuk golongan kurang upaya bukanlah merupakan satu pembaziran kerana golongan ini juga mempunyai 'economic value' yang menyumbang kepada ekonomi negara. Walaupun mereka ini golongan minoriti, pihak yang terlibat haruslah prihatin dan perlu menjalankan tanggungjawab bagi menyediakan keperluan golongan istimewa ini.

Kajian Hasnah et. al (2009) mengenai halangan dan sokongan yang dialami oleh pelajar-pelajar yang mengalami kekurangan upaya di sebuah IPTA tempatan melaporkan walaupun terdapat rakan rapat yang banyak membantu mereka dari segi pengangkutan dan pembelajaran, namun dari kalangan rakan-rakan sekuliah dari fakulti yang berlainan kerjasama kurang diberikan terutama semasa proses pembelajaran.

Manakala Helen Keller (1994) mengemukakan bahawa masalah yang paling sukar untuk diatasi oleh golongan OKU itu bukan masalah yang disebabkan oleh kecacatan yang ditanggungnya itu tetapi masalah yang disebabkan oleh sikap masyarakat terhadap kecacatan.

Secara keseluruhan, kajian ini telah menjawab kepada objektif kajian untuk mengkaji halangan-halangan fasiliti yang dihadapi oleh pelajar OKU di IPT. Halangan tersebut adalah terdiri daripada infrastruktur dan kemudahan akses pembelajaran. Justeru itu, pihak pengurusan IPT perlu melihat semula faktor-faktor tersebut dalam menangani halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar OKU di IPT.

KESIMPULAN DAN KAJIAN LANJUTAN

Secara kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa fasiliti OKU yang terdapat di setiap bangunan masih berada dalam tahap kekurangan dan fasiliti tersebut perlu dibaiki dan dilakukan penambahbaikan secepat mungkin untuk meningkatkan kualiti fasiliti dan keselesaan OKU dalam mendapatkan pendidikan yang baik. Hal ini kerana OKU bukanlah golongan yang harus dipinggirkan memandangkan mereka juga manusia yang mempunyai naluri dan perasaan yang sama seperti manusia tipikal. Kekurangan fizikal yang dialami mereka bukanlah satu penyebab untuk mereka tidak boleh meletakkan diri mereka bersama-sama dengan golongan tipikal untuk mencapai keinginan dan kejayaan. Mereka juga mampu memberikan khidmat kepada masyarakat lain dan juga mampu memberikan sumbangan kepada negara. Ini dapat dibuktikan dengan ramainya golongan OKU yang mampu melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dimana ini membuktikan bahawa golongan OKU juga mampu bersaing dengan golongan tipikal dalam soal akademik dan lain-lain lagi.

Oleh itu bagi memupuk semangat dan motivasi kepada pelajar-pelajar OKU, pihak pengurusan di IPT haruslah mengambil langkah dalam menjaga kebajikan pelajar OKU dengan memberi lebih perhatian terhadap keperluan fasiliti OKU di IPT. Ini kerana penyediaan fasiliti yang mesra OKU dapat memberikan keselesaan kepada pelajar OKU dan dengan itu pelajar OKU tersebut dapat tinggal dan belajar dengan selesa sepanjang pengajian di IPT.

Melalui hasil dapatan kajian ini, pengkaji menyarankan agar kajian lanjutan di masa akan datang dapat dilakukan secara lebih menyeluruh merangkumi pihak pengurusan selaku penyedia keperluan fasiliti OKU di sesebuah IPT dan pelajar tipikal yang terdedah dengan OKU. Justeru, kajian ini adalah penting dalam memberi fokus kepada penambahbaikan sistem pendidikan di IPT bagi merealisasikan aspirasi negara.

RUJUKAN

Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borham (2015) "Penyediaan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) Di Masjid-Masjid: Kajian Kes Di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang", *Al-Hikmah* 7(1) 2015: 62-78

- Egilson, S.T., & Traustadottir, R., (2009) "Participation of Students With Physical Disabilities in the School Environment" American Journal of Occupational therapy.
- Hasnah Toran, and Mohd Hanafi Mohd Yasin, and Mohd Mokhtar Tahar, and Norasuzaini Sujak
Abstrak Kajian, (2009) *Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia*. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education,1 (2). pp. 18-29. ISSN 1985-5826
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob. 2015. Realiti dan Kesamarataan Hak Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia. *International Conferences on Media and Communication (MENTION 2015)*.
- Holloway, S. (2001). *The experience of higher education from the perspective of disabled students*. *Disability & Society*, 16, 597-615.
- Konur, O., (2000) Creating an Enforceable Civil Rights for Disabled Students in Higher Learning Education : An institutional Theory Perspective, *Disability & Society Journal*
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 2014. Profail Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014. (Report). Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Nurul Hariza,H., (2012) Aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran di politeknik. Tesis tidak diterbitkan.Universiti Tun Hussein Onn,Melaka, Malaysia
- Reindal, S.M. 1995. Some problems encountered by disabled students at the University of Oslo- whose responsibility? *European Journal of Special Needs*, 10(3), 227-241.
- Reed, M. J., Kennett, D. J., & Emond, M. (2015). The influence of reasons for attending university on university experience: A comparison between students with and without disabilities. *Active Learning in Higher Education*, 16, 225-236.
- Riddell, S., Wilson, A. & Tinklin, T. 2002. Disability and the wider access agenda: Supporting disabled students in different institutional contexts. *Widening Participation and Lifelong Learning*, 4(3), 12-26.
- Redpath, J., Kearney, P., Nicholl, P., Mulvenna, M., Wallace, J., & Martin, S. (2013). A qualitative study of the lived experiences of disabled post-transition students in higher education institutions in Northern Ireland. *Studies in Higher Education*, 38, 1334-1350.
- Samsuri, Noorainul Arifah. 2012. *Penyediaan fasiliti OKU di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sanmargaraja, Shalini and Ta Wee, Seow. 2011. Kajian penyediaan fasiliti orang kurang upaya (OKU) di institusi kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru. *Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ke-3, Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Tinklin, T. & Hall, J. 1999. Getting round obstacle: disabled students' experiences in higher education in Scotland. *Studies in Higher Education*, 24(2), 183-194.
- Zainuddin, A., (2010) Research methodology for business and social science, 1st edition Universiti Teknologi Mara Publication Centre (UPENA)
- Tinklin, T., Riddell,S., & Wilson, A., (2004) Disabled Students in Higher Education Final report to ESRC, Edinburgh: Centre for Educational Sociology, University of Edinburgh.

Hazlin Falina Rosli
Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: hazlinfalina@kuis.edu.my

Safura Ahmad Sabri
Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: safura@kuis.edu.my